

**PLANMalaysia@Johor**  
**(JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI JOHOR)**

**IKLAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi mengisi kekosongan jawatan kontrak seperti berikut:-

**1.0 JAWATAN**

- 1.1 Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41 (Kontrak)
- 1.2 Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Ddesa Gred JA29 (Kontrak)

**2.0 BUTIRAN PERMOHONAN**

- (a) Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Borang **PMJ/PER/01** yang boleh diperolehi melalui laman sesawang <http://jbbd.johor.gov.my> atau dikaunter **PLANMalaysia@Johor** (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor), Tingkat 1, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang, 79646, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim.
- (b) Semua borang permohonan hendaklah dilengkapkan dan disertakan dengan salinan sah:
  - i. Kad Pengenalan;
  - ii. Sijil Kelahiran;
  - iii. Sijil-sijil Persekolahan;
  - iv. Kelulusan Akademik; dan
  - v. Sekeping gambar berukuran pasport;
- (c) Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berukuran 10" x 13". Sila catatakan jawatan yang dipohon disebelah kiri bahagian atas sampul surat.
- (c) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil ke sesi temuduga;
- (d) Tarikh tutup permohonan adalah pada **12 Oktober 2017 (Khamis) jam 2.30 petang.**

- (e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
- (f) Sila kemukakan permohonan ke alamat berikut:

**PENGARAH**

**PLANMalaysia@Johor**

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor),

Tingkat 1, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang,

79646 Kota Iskandar,

Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim.

**(u/p : Bahagian Pentadbiran)**

**PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

JAWATAN/ GRED	:	<b>PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA/ GRED J41</b>		
TARAF JAWATAN	:	<b>KONTRAK</b>		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>		
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	<b>KEJURUTERAAN</b>		
BILANGAN KEKOSONGAN	:	<b>2 (DUA)</b>		
JADUAL GAJI	:	<b>Gaji</b>	<b>Gaji</b>	<b>Kadar Kenaikan</b>
		<b><u>Minimum</u></b>	<b><u>Maksimum</u></b>	<b><u>Gaji Tahunan</u></b>
		RM2,529.00	RM9,643.00	RM225.00

**1. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c. (i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00); atau**

- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00); atau**

- (iii) Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancang Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,736.28); atau**

- (iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,943.84).**

**\* Nota : Keutamaan diberi kepada calon yang berpengalaman dalam bidang berkaitan lebih daripada dua (2) tahun.**

## **2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **3. SYARAT-SYARAT LAIN**

### **a. Elaun Dan Kemudahan**

Pegawai akan dibayar elaun dan lain-lain kemudahan yang layak mengikut gred jawatan yang ditawarkan tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2016.

### **b. Cuti Rehat**

Pegawai adalah layak mendapat cuti rehat sebanyak 25 hari setahun di dalam tempoh perkhidmatan kontrak ini.

c. **Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Bagi Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihabiskan**

Tertakluk kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa, apabila pegawai atas sebab kepentingan perkhidmatan tidak dapat mengambil cuti rehatnya yang dia layak di bawah atau mengikut kontrak ini, pegawai layak diberi wang tunai sebagai gantian. Kelayakan itu hendaklah tertakluk kepada term dan syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat pekeliling perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008, Surat Pekeliling Bil.2 tahun 2016 atau arahan lain Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

d. **Tatatertib**

Dalam tempoh kontrak ini pegawai adalah setiap masa tertakluk oleh Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Kewangan, Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan dan Undang-Undang yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa.

e. **Ganjaran**

**Mencarum kepada KWSP**

$(17.5\% - \text{kadar caruman majikan dalam KWSP}) \times (\text{gaji akhir} \times \text{jumlah genap bulan perkhidmatan}) - (\text{jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP})$

f. **Penamatan Kontrak**

Pihak Kerajaan dan pihak pegawai boleh menamatkan perkhidmatan kontrak ini dengan memberi 30 hari notis ataupun membayar sebulan gaji sebagai menggantikan notis.

g. **Pelantikan ke Jawatan Tetap**

Kerajaan tidak berkewajipan untuk melantik pegawai ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam. Apa-apa permohonan bagi maksud pelantikan tetap perlu dibuat terus kepada Suruhanjaya atau pihak berkuasa melantik berdasarkan syarat dan peraturan yang berkuat kuasa sekiranya pegawai berhasrat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

**PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

JAWATAN/ GRED	:	<b>PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA/ GRED JA29</b>		
TARAF JAWATAN	:	<b>KONTRAK</b>		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	<b>PELAKSANA</b>		
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	<b>KEJURUTERAAN</b>		
BILANGAN KEKOSONGAN	:	<b>7 (TUJUH)</b>		
JADUAL GAJI	:	<b>Gaji</b>	<b>Gaji</b>	<b>Kadar Kenaikan</b>
		<b><u>Minimum</u></b>	<b><u>Maksimum</u></b>	<b><u>Gaji Tahunan</u></b>
		RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

**1. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. (i) Sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau**

- (ii) Diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02)**

## 2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 3. SYARAT-SYARAT LAIN

### a. Elaun Dan Kemudahan

Pegawai akan dibayar elaun dan lain-lain kemudahan yang layak mengikut gred jawatan yang ditawarkan tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2016.

### b. Cuti Rehat

Pegawai adalah layak mendapat cuti rehat sebanyak 25 hari setahun di dalam tempoh perkhidmatan kontrak ini.

### c. Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Bagi Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihakiskan

Tertakluk kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa, apabila pegawai atas sebab kepentingan perkhidmatan tidak dapat mengambil cuti rehatnya yang dia layak di bawah atau mengikut kontrak ini, pegawai layak diberi wang tunai sebagai gantian. Kelayakan itu hendaklah tertakluk kepada term dan syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat pekeling perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008, Surat Pekeliling Bil.2 tahun 2016 atau arahan lain Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

### d. Tatatertib

Dalam tempoh kontrak ini pegawai adalah setiap masa tertakluk oleh Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Kewangan, Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan dan Undang-Undang yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa.

### e. Ganjaran

#### Mencarum kepada KWSP

$(17.5\% - \text{kadar caruman majikan dalam KWSP}) \times (\text{gaji akhir} \times \text{jumlah genap bulan perkhidmatan}) - (\text{jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP})$

f. **Penamatan Kontrak**

Pihak Kerajaan dan pihak pegawai boleh menamatkan perkhidmatan kontrak ini dengan memberi 30 hari notis ataupun membayar sebulan gaji sebagai menggantikan notis.

g. **Pelantikan ke Jawatan Tetap**

Kerajaan tidak berkewajipan untuk melantik pegawai ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam. Apa-apa permohonan bagi maksud pelantikan tetap perlu dibuat terus kepada Suruhanjaya atau pihak berkuasa melantik berdasarkan syarat dan peraturan yang berkuat kuasa sekiranya pegawai berhasrat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam